



**Ali (dua dari kanan) bersama Dr Noh (kanan) beramah mesra dengan sebahagian penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UTHM 2015 di Batu Pahat, semalam.**

# 2,000 diserap tiap tahun

Langkah imbangi muka baharu, kakitangan berpengalaman

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

Batu Pahat

Seramai 2,000 penjawat awam kontrak akan diserap ke jawatan tetap setiap tahun bagi mengisi kekosongan di sektor awam. Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, berkata langkah itu

bagi mengimbangi sektor awam antara muka baharu dan kakitangan berpengalaman.

#### Kaji permasalahan

Katanya, Jawatankuasa Khas yang mengkaji permasalahan dalam perjawatan awam memutuskan langkah untuk menyerap kakitangan awam kontrak ke jawatan tetap yang dimulakan sejak tahun lalu.

"Bagaimanapun, syaratnya kakitangan awam kontrak itu perlu berkhidmat secara berterusan sekurang-kurangnya 15 tahun, selain menunjukkan mempunyai prestasi kerja cemerlang, selain mendapat sokongan ketua jabatan mereka.

"Ia juga selaras dengan langkah kerajaan mengambil 25,000 penjawat awam baharu bagi mengantikan mereka yang

#### Fakta nombor

1.16 JUTA

penjawat awam seluruh negara

50,000  
PENJAWAT

awam kontrak

bersara setiap tahun," katanya.

Beliau menghadiri Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang 2015 Universiti Tun Hussein Malaysia (UTHM), di sini, semalam.

Yang turut hadir, Naib Canselor UTHM, Prof Datuk Dr Noh Dalimin.

Sebelum ini, Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dilaporkan memohon kerajaan menyerap kira-kira 50,000 penjawat awam yang berstatus kontrak supaya dilantik sebagai kakitangan awam tetap.

Ali berkata, setakat ini lebih 90 peratus kakitangan awam kontrak menerima tawaran ke jawatan tetap dan pihaknya akan terus menyerap penjawat awam kontrak yang memenuhi syarat setiap tahun sebagai langkah proaktif membantu mereka.